

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

- Soalan 1: 8 markah
- Soalan 2: 6 markah
- Soalan 3: 11 markah
- Soalan 4: 4 markah
- Soalan 5: 6 markah



Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja aktif tak transitif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kata kerja aktif tak transitif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja aktif tak transitif yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja aktif tak transitif yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
8. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 - Morfologi

Kata kerja aktif tak transitif

(i) berfungsi

1. mempunyai fungsi
2. melaksanakan fungsi
3. bertugas

(ii) berhubung

1. berangkai, bersambung

(iii) ada

1. boleh didapati (ditemui, dilihat, dan lain-lain)
2. wujud
3. boleh diperolehi (didapati, dijumpai, dan lain-lain)
4. telah sedia
5. mempunyai
6. hidup, belum meninggal dunia

- (iv) **berperanan**
1. mempunyai peranan
 2. memainkan sesuatu peranan
- (v) **wujud**
1. ada (sesuatu) sedia ada
 2. sesuatu yang ada bentuknya
 3. berupa bentuk yang nyata
- (vi) **berasal**
1. bertempat asal
 2. mula-mulanya dulu berada

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 - Sintaksis

Tukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa

- (i) Jurang penyertaan golongan OKU dalam sektor pekerjaan masih ketara 2
walaupun pelbagai dasar dan inisiatif telah digubal.
- (ii) Isu pengangguran dalam kalangan OKU sering kali tidak diberikan perhatian 2
yang sewajarnya.
- (iii) Masalah ini perlu ditangani agar hak OKU dapat dibela. 2

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|-------|---------------|---|--|
| (i) | alatbantu | - | alat bantu |
| (ii) | bantu | - | membantu |
| (iii) | pesakit pakai | - | dipakai oleh pesakit / dipakai pesakit |
| (iv) | bongkok | - | bengkok |
| (v) | peperiksaan | - | pemeriksaan |
| (vi) | mendaagnosis | - | mendiagnosis |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|----------------|---|---------------------------|
| (i) | tinggi | - | besar |
| (ii) | di | - | dalam |
| (iii) | pelbagai-bagai | - | pelbagai / berbagai-bagai |
| (iv) | mencatit | - | mencatat |
| (v) | demi untuk | - | demi / untuk |
| (vi) | menganalisa | - | menganalisis |
| (vii) | kegunaan | - | penggunaan |

[Maksimum: 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <i>tidak</i> mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Orang Siam datang, lalu berperang dengan orang Melaka. Setelah beberapa lama berperang, ramai rakyat Siam yang mati/terkorban, Melaka tidak kalah. Rakyat Siam pulang dan semasa mereka pulang semua rotan yang mengikat barang-barang mereka semua dicampak/dibuang ke hulu Muar.

[Maksimum: 4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 5 - Peribahasa**Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai**

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | isi dengan kuku /
dakwat dengan kertas /
lapik dengan kasut | 2 |
| (ii) | rambut sama hitam, hati lain-lain /
rambut sama hitam hati masing-masing berlainan (KD halaman 1277) | 2 |
| (iii) | berpatah arang berkerat rotan /
berkerat rotan berpatah arang /
putus benang boleh disambung, putus arang berceraai lalu | 2 |

[Maksimum: 6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0



Soalan 6

(i) Maksud

- jangka masa/ masa/ waktu kajian 2
- jangka masa/ masa/ waktu penyelidikan 1
- tempoh kajian 1

(ii) Majlis-majlis

Bahan 1

- P1 upacara perkahwinan
- P2 perasmian majlis
- P3 keraian

Bahan 2

- P4 upacara istiadat diraja
- P5 upacara pertabalan sultan

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Punca-punca

- P1 peralatan / muzik sukar untuk didapati / dibeli / diperoleh
 - P2 harga / kos peralatan yang mahal
 - P3 dianggap kuno / lama irama / muzik dianggap ketinggalan zaman / membosankan
 - P4 pengaruh teknologi dan hiburan moden
 - P5 kurang pendedahan ibu bapa / sekolah / komuniti
 - P6 beranggapan tiada nilai komersial
 - P7 kurang promosi dan sokongan
- (Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 memberikan token / hadiah / ganjaran kepada murid yang terlibat
 - P2 mempromosi iklan / poster / gegantung melalui pelbagai medium
 - P3 menawarkan merit
 - P4 memberikan sijil penyertaan dan penghargaan kepada murid yang terlibat
 - P5 menjelaskan kepentingan /manfaat penyertaan
 - P6 mendapatkan sokongan ibu bapa/ PIBG
- (Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Cabaran-cabaran

- P1 kekurangan bahan rujukan 1
 P2 buku teks yang ada sudah lusuh 1
 P3 perpustakaan kampung agak jauh dari rumah saya 1
 [Maksimum : 2 markah]
 [Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kepentingan-kepentingan

Bahan 1

- P1 murid-murid di kawasan luar bandar dapat belajar dengan lebih mudah melalui telefon pintar
 P2 menjadi jambatan ilmu

Bahan 2

- P3 pelbagai aplikasi boleh digunakan untuk mengulang kaji semua topik pelajaran
 P4 dapat mengakses nota, video interaktif, dan latihan kuiz
 P5 boleh mencari maklumat terkini dengan mudah

Bahan 3

- P6 Ilmu bertambah kehidupan sejahtera
 P7 setiap insan/ individu/ orang semakin berjaya (*setiap insan kian berjaya*)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 4 markah]
 [Isi cukup: 3 isi]

(iii) Punca-punca	
P1	kurang kawalan / pemantauan ibu bapa / sekolah
P2	pengaruh rakan sebaya
P3	kurang didikan agama / pendidikan moral dan etika digital
P4	ketagihan hiburan digital
P5	kurang kesedaran tentang bahaya siber
P6	tekanan emosi dan akademik
P7	ketiadaan aktiviti alternatif
P8	pengaruh media massa / media sosial dan iklan
	(Puna lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
 [Isi cukup: 3 isi]

(iv)	Langkah-langkah		
P1	menasihati rakan secara berhemah		
P2	menjelaskan / memaklumkan kesan buruk plagiat		
P3	mencadangkan rakan menghasilkan karya sendiri		
P4	mencadangkan rakan menyertai / menghadiri program / bengkel penulisan puisi		
P5	mengajak rakan mendapatkan bimbingan guru		
P6	menjadi teladan yang baik dalam mengamalkan nilai amanah dan tanggungjawab		
P7	membawa rakan berjumpa / merujuk guru kaunseling / guru		
P8	memberikantahu ibu bapa		
	(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)		

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Sebab-sebab

- P1 mereka bertiga tidak mempunyai pengalaman ditemu duga
P2 harapannya amat tinggi
P3 pengalaman yang baru ditempuhi untuk sampai ke kem tersebut bukan mudah
P4 takut kalau-kalau soalan mereka nanti aku tak boleh jawab

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dikaji.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

B. Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

1. **Peristiwa:** Aqram telah menegur seorang wanita yang sedang asyik berbual dengan suara yang kuat di telefon sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar sentiasa bersikap hemah tinggi dan menghormati ketenteraman orang lain di tempat awam.

2. **Peristiwa:** Farisha gigih memajukan syarikat perunding keselamatan sistem komputer iaitu Syarikat Secured Shell Sdn Bhd yang ditubuhkannya bersama Rosman. Mereka telah menerima tawaran projek yang lumayan di Senawang dan Soft Lab demi memajukan syarikat bersama.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar gigih berusaha dan berani menahkod cabaran dalam bidang perniagaan walaupun pada usia yang muda.

3. **Peristiwa:** Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak Farisha berumur 2 tahun. Azraai turut memastikan semua mikrochip mesti kekal dalam tubuh Farisha dan dia mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca tentang kepentingan memikul amanah dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjaga ahli keluarga.

4. **Peristiwa:** Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain sebelum ini. Disebabkan hal ini, Farisha telah ditawarkan projek mini di Soft Lab.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar bijak memanfaatkan kelebihan, bakat, dan kebijaksanaan diri untuk mencapai kemajuan.

5. **Peristiwa:** Dr. Maxi dan Azraai telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengesan keberadaan Farisha seperti yang diarahkan oleh Dr. Karl. Akhirnya Farisha dapat dikesan melalui tempahan tiket kapal terbang yang dibuat oleh Farisha.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca untuk bersikap gigih, fokus, dan taat ketika melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

6. **Peristiwa:** Pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Ketika bertemu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar berjiwa besar untuk sentiasa memaafkan kesilapan orang lain dan menghargai ikatan kekeluargaan.

H. SILIR DAKSINA karya Nizar Parman

1. **Peristiwa:** Ratna gagal mendapat keputusan yang baik dalam SPM namun dia tidak menoleh ke belakang malah dia membantu emaknya mengurus gerai makanan dan mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi seorang usahawan berjaya.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca supaya sentiasa bersikap positif, berpandangan jauh, dan gigih membina masa depan tanpa rasa putus asa apabila menghadapi kegagalan.

2. **Peristiwa:** Haiqal solat subuh terlebih dahulu di hentian bas dan teksi Batu Pahat sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Seri Purnama.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca untuk sentiasa mengutamakan dan melaksanakan suruhan agama serta kewajipan ibadah dalam apa-apa jua keadaan dan situasi.

3. **Peristiwa:** Tauke Lim telah melaksanakan amanah dengan menyerahkan semua duit simpanan hasil jualan kelapa sawit serta ladang kelapa sawit milik Cikgu Amirulnizam kepada Haiqal.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca supaya sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab, jujur, and berintegriti tinggi dalam memegang serta melaksanakan amanah yang telah diberikan.

4. **Peristiwa:** Abdullah Kayan / Cikgu Zam menumpahkan kasih sayang terhadap Ai Ling / Ong See Hwa. Sebagai seorang guru, Abdullah Kayan / Cikgu Zam menumpangkan Ai Ling / See Hwa ke sekolah setiap hari. Selain itu, Cikgu Zam juga melatih Ai Ling dalam mendeklamasi sajak sehingga berjaya mendapat johan dalam pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca untuk tulus menyayangi, membimbing, dan berbuat baik kepada orang lain dengan ikhlas walaupun tidak mempunyai pertalian darah atau hubungan kekeluargaan.

5. **Peristiwa:** Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke Kampung Seri Purnama bagi menjejaki kisah hidup ayahnya di sana. Dia berani ke kampung tersebut walaupun tidak mengenali sesiapa di sana dan tidak mempunyai kenalan ataupun saudara-mara.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar mempunyai pendirian yang tegas, tekad yang kuat, serta berani melangkah keluar demi mencapai sesuatu matlamat yang murni.

6. **Peristiwa:** Kegigihan Tauke Lim dalam mencari rezeki sehingga akhirnya beliau berjaya mengumpulkan wang dan membeli setengah ekar tanah kebun getah ayah Cikgu Amirulnizam untuk dijadikan tapak rumah walaupun pada permulaan Tauke Lim dan keluarga datang ke kampung Seri Purnama dalam keadaan tidak memiliki apa-apa harta.

Huraian: Peristiwa ini memberikan inspirasi untuk dijadikan pedoman oleh pembaca agar sentiasa mengamalkan sikap tidak berputus asa, rajin, dan konsisten dalam bekerja kerana usaha yang gigih pasti akan membuahkan hasil yang manis.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
(b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- tarikh
- gelaran
- nama khas
- penanda wacana
- peribahasa/ pantun
- perkataan berganda
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.



Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Fokus 1 (Manfaat/faedah/ kelebihan)										16
Bahan 1	5	4	3	3	2	2	1	1		
Bahan 3	1	1	1	1	1	1	1	1		
(iii) Fokus 2 (Usaha/langkah/cara)										
Bahan 1	3	1	2	1	3	2	2	2		
Bahan 2	2	1	1	2	1	2	2	2		
Bahan 3	2	1	1	1	1	1	2	2		
Jumlah Isi	14	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/Kesimpulan										2
Jumlah Markah										20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu

		• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah
- Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- Jika calon memperoleh markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

- | | |
|---|---|
| P1 ... manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan kewarganegaraan digital dan usaha-usaha /langkah-langkah / cara-cara memperkukuh kewarganegaraan digital. | 2 |
| P2 ... usaha-usaha /langkah-langkah / cara-cara memperkukuh kewarganegaraan digital dan manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan kewarganegaraan digital. | 2 |
| P3 ... manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan kewarganegaraan digital. | 1 |
| P4 ... usaha-usaha /langkah-langkah / cara-cara memperkukuh kewarganegaraan digital. | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1: manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan kewarganegaraan digital**Bahan 1**

- A1 membentuk dunia digital yang lebih inklusif, adil dan berdaya saing 2
- A2 rakyat Malaysia dapat menyertai perbincangan politik melalui media sosial 2
- A3 membolehkan rakyat untuk memeriksa kesahihan maklumat yang disebarkan oleh ahli politik 2
- A4 membantu rakyat memperoleh maklumat berkaitan aktiviti dan kenyataan yang dikeluarkan oleh raja-raja 2
- A5 membolehkan individu yang mempunyai minat yang sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman 2

Bahan 3

- B1 Ilmu yang diperoleh tiada sempadan / batasan (*Ilmu diperoleh tiada bertepi*) 2

FOKUS 2 Usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara memperkukuh kewarganegaraan digital**Bahan 1**

- C1 Ahli politik menggunakan media sosial untuk berkempen dan berinteraksi secara langsung dengan pengundi 2
- C2 rakyat perlu melibatkan diri dalam kempen kesedaran 2
- C3 Masyarakat seharusnya mendapatkan pengetahuan tentang keselamatan dalam talian 2

Bahan 2

- D1 Hargai privasi orang lain 2
- D2 Jangan muat naik atau kongsi bahan yang menyalahi undang-undang 2

Bahan 3

- E1 menjaga bahasa di ruang sembang / media sosial / di laman sosial (*Jaga bahasa di ruang berhubung*) 2
- E2 mengesahkan / memastikan kebenaran fakta sebelum dihebahkan / disebarkan (*Sahkan fakta sebelum dihebah*) 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, kewarganegaraan digital hendaklah dititikberatkan / diberi perhatian / diutamakan agar dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab. 2
 - K2 Kesimpulannya, kewarganegaraan digital hendaklah dititikberatkan / diberi perhatian / diutamakan 1
- (Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)



Nota:

- (i) Jika calon menulis pendahuluan 3 fokus, beri 1 atau 0 markah
- (ii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah, atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (iii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (iv) Kesimpulan hanya merujuk kepada **kewarganegaraan digital** sahaja.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT